

12 MAR 1998

PRESIDEN PERHIMPUNAN AGUNG PBB TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Hennadiy Udovenko tiba di sini malam ini untuk lawatan rasmi tiga hari.

Udovenko, yang juga Menteri Luar Ukraine, akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Wisma Putra sebelum mengadakan mesyuarat rombongan.

Udovenko, yang menggantikan Tan Sri Razali Ismail dari Malaysia sebagai presiden perhimpunan itu juga dijadual mengunjungi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Jabatan Perdana Menteri pada sebelah petang.

Beliau kemudian akan melawat kilang pengeluaran Proton di Taman Perindustrian Hicom di Shah Alam dan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) yang menempatkan bangunan tertinggi di dunia, Menara Kembar Petronas.

Udovenko akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sabtu.

Beliau juga akan menemui para anggota Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan serta menghadiri jamuan tengah hari anjuran Majlis Pengelola Persatuan PBB Malaysia.

Udovenko akan mengadakan persidangan berita pada sebelah petang sebelum berlepas ke Tokyo. -- BERNAMA

HAK RON